



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jurujual rugi RM21,000 terpedaya muslihat 'James David'
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 10 October 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 8

Jurujual rugi RM21,000 terpedaya muslihat 'James David'

Kuantan: Angka 'James David' yang menyamar pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), seorang jurujual berusia 59 tahun kerugian RM21,000.

Terdahulu, mangsa menerima panggilan daripada James David yang menyamar sebagai pegawai operasi cukai LHDN Cyberjaya.

Ketua Siasatan Jenayah

Komersial Pahang Superintendent Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa yang beralamat di Kampung Temin, Jerantut didakwa tidak membayar cukai perniagaan selama enam bulan.

"Suspek mendakwa, syarikat milik mangsa beroperasi di Kota Bharu, Kelantan dan untuk menyelesaikan tunggakan cukai lebih

RM58,000, mangsa perlu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan dan bercakap dengan 'Asisten Komisioner (ACP) Datuk Mohd Nizam.'

"Suspek kemudian menyambungkan

panggilan kepada 'pegawai polis' berkenaan yang terus mendakwa syarikat itu terbabat dengan sindiket pengubahan wang haram serta dadah," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, mangsa diarah

membayar sejumlah wang bagi menyelesaikan perkara itu.

Mangsa kemudian diminta melakukan transaksi di mesin juruwang automatik (ATM).

"Sepanjang berada di kaunter ATM sebuah bank di Jerantut, mangsa diberi arahan oleh suspek.

"Bagaimanapun, mangsa

yang berasakan terpedaya melakukan pemeriksaan dengan pihak bank sebelum mendapat pengesahan terdapat transaksi berjumlah RM21,000 daripada akaunnya ke akaun bank individu lain," katanya.

Mangsa melaporkan kejadian di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jerantut kelmarin.

Mangsa didakwa tidak membayar tunggakan cukai lebih RM58,000